

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF
RAWA [PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 17 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN NO. 21

DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan kelewatan kawalan harga barang mentah semasa perayaan baru-baru ini sehingga menyebabkan barang-barang mentah meningkat dengan teruk dan kesannya masih berlaku hingga ke hari ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kerajaan melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) untuk menyekat kenaikan harga barangan yang tidak munasabah akibat permintaan yang tinggi apabila tiba musim perayaan. Para peniaga diwajibkan menjual barangan harga terkawal tidak melebihi harga maksimum yang ditentukan oleh Kerajaan sepanjang tempoh skim berkuat kuasa. Skim ini dilaksanakan semasa perayaan Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali, Krismas, Pesta Kaamatan dan Hari Gawai.
2. Pertimbangan Kerajaan dalam melaksanakan SHMMP baru-baru ini mengambil kira usaha Kerajaan menangani penularan wabak COVID-19 serta perayaan Hari Raya Puasa, Pesta Kaamatan dan Hari Gawai semasa tempoh peralihan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kepada PKP Bersyarat (PKPB).
3. Pada masa tersebut, beberapa aktiviti ekonomi yang dibenarkan baharu saja bermula. Kerajaan berpandangan sekiranya tempoh SHMMP yang terlalu panjang boleh menjejaskan perniagaan pada masa tersebut.
4. Dalam masa yang sama, pertimbangan Kerajaan juga turut mengambil kira permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan yang tidak begitu tinggi sepanjang tempoh PKP di samping banyak lagi aktiviti ekonomi yang tidak dibenarkan beroperasi. Walau bagaimanapun, Kerajaan bersedia untuk melaksanakan SHMMP seperti sebelum ini apabila keadaan semakin pulih dan aktiviti perniagaan kembali rancak.

Sekian, terima kasih.